

17 JUN 1999

Mahathir-Jawatan

DR MAHATHIR MENOLAK KHABAR ANGIN BELIAU AKAN LETAK JAWATAN

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan khabar angin yang beliau akan mengumumkan peletakkan jawatannya di perhimpunan agung UMNO esok.

"Saya tidak lihat mengapa saya perlu letak jawatan buat masa ini," kata Perdana Menteri dalam temubual yang disiarkan melalui CNN hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian merujuk kepada komennya awal minggu ini yang beliau akan membuat pengumuman kejutan.

Dalam temubual itu, wartawan CNN Lorraine Hahn cuba mendorong Perdana Menteri untuk memberitahu mengenai "elemen kejutan" yang beliau dijangka umumkan tetapi Dr Mahathir berkata "jika saya memberitahu anda, ia bukan lagi kejutan."

"Apabila saya ditanya soalan mengenai perkara-perkara ini, saya biasanya akan memberitahu tunggu sehingga pengumuman dibuat," katanya.

Hahn telah mencadangkan yang ramai kini menyebarkan khabar angin yang beliau mungkin mengumumkan peletakkan jawatan dalam suasana demam pilihan raya di negara.

Tetapi Dr Mahathir memberitahu Hahn yang nampak binggung bahawa "apa sahaja pengumuman yang saya buat akan menjadi kejutan dan juga jika tiada kejutan...itupun kejutan juga."

"...Saya sentiasa berkata yang saya memerlukan masa untuk menyerahkan tampuk pemerintahan kepada orang lain yang mampu menggantikan saya," kata Dr Mahathir.

Mengenai sama ada beliau akan bertanding untuk satu penggal lagi, Dr Mahathir berkata: "Sudah pasti, memandangkan saya hanya boleh menyerahkan pemerintahan selepas menentukan apa yang berlaku dalam pilihan raya akan datang."

Mengenai sama ada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 8 Jan lepas bersedia untuk mengambil alih, Perdana Menteri berkata "beliau telah menjalankan tugas dengan baik".

"Tetapi saya berpendapat tiada salahnya menunggu sedikit masa lagi untuk memastikan beliau benar-benar selesa dalam kedudukannya."

Mengenai satu lagi soalan sejauh mana terjamin kedudukan Abdullah memandangkan ada yang berkata (perlantikan beliau) adalah sebagai pengganti sementara, Dr Mahathir berkata "kedudukan beliau adalah terjamin kecuali sesuatu yang luar biasa berlaku."

Hahn juga menanya sama ada Dr Mahathir telah menepati kriteria tertentu antaranya pemulihan ekonomi dan adanya pengganti yang berupaya sebagai syarat bagi beliau mengadakan pilihan raya,

Perdana Menteri menjawab: "Daripada segi ekonomi, ya," tetapi kata Dr Mahathir perasaan rakyat juga perlu dikaji kerana berlaku banyak kekeliruan ekoran tuduhan yang dibuat oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang beliau (Anwar) mangsa konspirasi politik.

Dr Mahathir juga menolak dakwaan yang penahanan Anwar adalah kerana konspirasi politik.

"Jika berlaku konspirasi politik di Malaysia, ia akan diketahui oleh seluruh negara dan dunia melalui Internet lama dahulu, tetapi dalam kes ini apabila sahaja beliau disingkirkan daripada kerajaan, baru tuduhan konspirasi timbul," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau yang pada masa itu Menteri Dalam Negeri mengetahui kejadian Anwar dipukul semasa dalam tahanan polis ataupun mengarahkan Anwar dipukul, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu mengenai

kejadian Anwar dipukul selepas beliau ditahan dan juga saya tidak mengarahkan Anwar dipukul".

"Saya tidak akan membuat sesuatu yang bodoh seperti itu," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, perbicaraan pertama Anwar jelas menunjukkan keadilan telah dijalankan.

Mengenai sama ada perbicaraan Anwar telah menimbulkan keraguan terhadap sistem kehakiman Malaysia, beliau berkata:

"Memang ya dan tidak, oleh kerana beliau disegani oleh ramai maka sebarang perbicaraan dan pensabitan beliau adalah tidak adil dan mereka mempersalahkan hakim tetapi sebenarnya hakim dan pendakwa telah menjalankan tugas dengan baik.

Mengenai sama ada sudah tiba masa untuk mengkaji semula sistem kehakiman negara, beliau berkata "sistem kehakiman Malaysia dikaji semula dari masa ke masa, jika kita dapati ada kelemahan dalam apa carapun, kita akan memperbetulkannya."

Mengenai sama ada Malaysia boleh melantik seorang Timbalan Perdana Menteri daripada masyarakat Cina, Dr Mahathir menjawab "undang-undang tidak menghalang seseorang daripada masyarakat Cina sehingga menjadi Perdana Menteri, ia terpulang kepada rakyat untuk menentukannya."

Ditanya sama terdapat calon daripada masyarakat Cina, Dr Mahathir menjawab ia terpulang kepada keputusan pilihan raya, jika DAP menang sudah pasti mereka akan meminta Perdana Menteri Cina.

Kepada satu lagi soalan sama ada Malaysia akan mencontohi Indonesia dalam menjemput pemerhati asing dalam pilihan raya akan datang, beliau berkata: "Bagi mereka, inilah pilihan raya bebas yang pertama, bagi kita setiap lima tahun sekali sejak kemerdekaan pada 1957 kita telah adakan pilihan raya bebas."

"Kita berpengetahuan baik dalam mengendalikan pilihan raya walaupun pada 1990 kita pernah menjemput pemerhati daripada Komanwel kerana banyak tuduhan terhadap kita," katanya.

Mengenai Parti Keadilan yang dipimpin oleh isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, sama ada ia boleh memberi cabaran kepada parti pemerintah, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak akan memandang remeh terhadap mana-mana lawan, kita selalu memberi perhatian yang perlu dan melihat sama ada terdapat kemampuan atau tidak dalam perikatan mereka."

-- BERNAMA

MR ND PR